



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



**PENGARUH PERSONALITI GURU PENDIDIKAN ISLAM DAN
CIRI DEMOGRAFI MEREKA TERHADAP SAHSIAH MURID DI
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI MALAYSIA**

*THE INFLUENCE OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS' PERSONALITY AND
THEIR DEMOGRAPHIC CHARACTERISTICS ON STUDENTS' PERSONALITY IN
NATIONAL SECONDARY SCHOOLS IN MALAYSIA*

Nur Shahidah Munir@Munirah Wahap^{1*}, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim², Mohd Syaubari Othman³

¹ Fakulti Sains dan Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: shahidmunir116@gmail.com

² Fakulti Sains dan Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: Marzuqi@fsk.upsi.edu.my

³ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: syaubari@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.04.2025

Revised date: 25.05.2025

Accepted date: 16.06.2025

Published date: 30.06.2025

To cite this document:

Wahap, N. S. M. M. M., Rahim, M. A., & Othman, M. S. (2025). Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Dan Ciri Demografi Mereka Terhadap Sahsia Murid Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (58), 1158-1178.

DOI: 10.35631/IJEPC.1058074.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh personaliti guru Pendidikan Islam (GPI) dan ciri demografi mereka terhadap sahsiah murid di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Pelbagai penyelewengan sosial dalam kalangan murid dan GPI sendiri terus berlaku. GPI seharusnya memainkan peranan sebagai pendidik, dan menanamkan sahsiah yang baik dalam diri murid seiring dengan ajaran agama Islam. Kajian kuantitatif dengan reka bentuk deskriptif melalui kaedah tinjauan soal selidik telah dilaksanakan, di mana seramai 419 GPI di sekolah menengah kebangsaan seluruh Malaysia dipilih sebagai responden kajian melalui persampelan rawak mudah. Semua personaliti GPI yang dikaji mencatatkan skor min pada tahap tinggi di mana penampilan ($M=4.48$), komunikasi ($M=4.43$), tingkah laku ($M=4.42$), emosi ($M=4.37$), dan dedikasi ($M=4.44$). Sahsia murid juga berada pada tahap tinggi ($M=4.28$). Analisis ujian-T sampel tidak bersandar mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara semua ciri personaliti GPI dengan faktor jantina ($t_{291.206}=-2.941, p<0.001$). Tahap personaliti GPI lelaki adalah lebih rendah daripada GPI perempuan. Kemudian, kajian mendapati tiada perbezaan signifikan bagi personaliti GPI berdasarkan lokasi kerja mereka ($t_{321.596}=-0.159, p>0.001$). Analisis PLS-SEM pula menunjukkan personaliti GPI dalam penampilan ($f^2=0.053$), komunikasi ($f^2=0.000$), tingkah laku



($f^2=0.000$), emosi ($f^2=0.004$) dan dedikasi ($f^2=0.000$) menunjukkan kesan yang kecil kepada sahsiah murid. Kajian ini memberi kepentingan kepada pembangunan sahsiah murid dan personaliti guru yang unggul.

Kata Kunci:

Guru Pendidikan Islam (GPI), Personaliti, Sahsiah Murid, Ciri Demografi.

Abstract:

This study aims to study the influence of Islamic Education (IP) teachers' personalities and their demographic characteristics on the personality of students in national secondary schools in Malaysia. Various social deviations among students and IPs themselves continue to occur. IPs should play a role as educators, and instill good personalities in students in line with Islamic teachings. A quantitative study with a descriptive design using a questionnaire survey method was carried out, where a total of 419 IPs in national secondary schools throughout Malaysia were selected as study respondents through simple random sampling. All IP personalities studied recorded mean scores at a high level where appearance ($M=4.48$), communication ($M=4.43$), behavior ($M=4.42$), emotion ($M=4.37$), and dedication ($M=4.44$). The personality of students was also at a high level ($M=4.28$). Independent sample T-test analysis found that there was a significant difference between all GPI personality traits with gender factor ($t_{291.206}=-2.941, p<0.001$). The level of male GPI personality was lower than female GPI. Then, the study found that there was no significant difference for GPI personality based on their work location ($t_{321.596}=-0.159, p>0.001$). PLS-SEM analysis showed that GPI personality in appearance ($f^2=0.053$), communication ($f^2=0.000$), behavior ($f^2=0.000$), emotion ($f^2=0.004$) and dedication ($f^2=0.000$) showed a small effect on student personality. This study gives importance to the development of student personality and excellent teacher personality.

Keywords:

Islamic Education Teacher (GPI), Personality, Student Personality, Demographic Characteristics.

Pendahuluan

Pendidikan Islam bertujuan membentuk sahsiah murid yang holistik, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Islam, yang menekankan akhlak mulia (Wan Fakhru Razi Wan Mohamad et al., 2023; Adillah Ramly & Halim Masnan, 2023). Akhlak berasal daripada istilah Arab *khuluq*, bermakna tabiat, tingkah laku, atau kelakuan, dan menggambarkan keadaan rohani yang perlu dipupuk. Ibn Manzur (1996) menyifatkan akhlak sebagai tingkah laku yang mencerminkan diri luaran dan dalaman, manakala al-Razi (1981) mengaitkannya dengan tradisi, adab, maruah, dan agama. Al-Ghazali (1996) menyatakan akhlak ialah keadaan jiwa yang memacu tingkah laku secara automatik tingkah laku baik dikenali sebagai *hasanah* dan yang buruk sebagai *madhmumah*.

Trend kehidupan kontemporari dan pengaruh teknologi telah menimbulkan kebimbangan terhadap kemerosotan sahsiah murid (Hasifah Hassan & Muhammad Faizal, 2022). Guru, terutama GPI (GPI), memainkan peranan penting dalam membimbing murid dengan autoriti dan pengaruh positif (Afiful Ikhwan et al., 2019). GPI bertanggungjawab mendidik nilai moral dan menjadi *qudwah hasanah* dengan menunjukkan teladan baik (Norzi Mohd Yusoff,

Khadijah Abdul Razak & Adnan Derahman, 2022; Linda Sari, 2021). Murid cenderung meniru tingkah laku guru, yang mempengaruhi perkembangan moral dan hubungan positif mereka (Norhalimatun Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak, 2020). Oleh itu, GPI perlu mengamalkan *ta'dib*, iaitu tingkah laku beradab yang mendisiplinkan minda dan jiwa, serta memiliki sifat seperti takwa, kejujuran, amanah, dan kasih sayang. Penampilan yang kemas dan komunikasi berkesan juga penting dalam membentuk akhlak murid (Salinda Sahrin & Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, 2022). Selain itu, GPI harus memahami latar belakang murid untuk membina hubungan yang baik. Kesimpulannya, personaliti GPI amat penting dalam membentuk akhlak murid yang baik dan generasi berperibadi unggul (Nor Izzati Mahd Nor, 2021).

Kajian ini akan menyiasat ciri personaliti GPI, termasuk penampilan, komunikasi, tingkah laku, dedikasi, dan emosi, serta membina model personaliti GPI yang dapat membentuk sahsiah murid unggul.

Pernyataan Masalah

Menurut KPM (2024a), kes disiplin murid SMK di Malaysia (2020-2023) menunjukkan variasi ketara. Pada 2021, terdapat penurunan mendadak kes disiplin akibat PKP dan PdPR, dengan murid Menengah Rendah turun dari 17,859 kes (2020) kepada 3,140 kes, dan Menengah Atas dari 39,272 kes kepada 4,119 kes. Kes ponteng sekolah, buli, merokok/vape, dan vandalisme turut berkurang. Namun, selepas sekolah dibuka semula, kes meningkat mendadak pada 2022 dan 2023. Kes ponteng melonjak kepada 211,315 (2023), diikuti kes merokok/vape (19,512) dan biadap terhadap guru (9,035).

Jadual 1: Laporan Kes Disiplin Murid SMK di Seluruh Malaysia Mengikut Kategori Umur Dari Tahun 2020 Hingga 2023

Kategori Umur	2020	2021	2022	2023
Menengah Rendah (13-15 tahun)	17,859	3,140	110,772	145,923
Menengah Atas (16-17 tahun)	39,272	4,119	103,992	122,626

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024a

Jadual 2: Laporan Kes Mengikut Jenis Kesalahan Disiplin Murid SMK Di Seluruh Malaysia dari Tahun 2020 Hingga 2023

Bil.	Jenis Kesalahan	2020	2021	2022	2023
1.	Buli	1,185	145	2,222	4,132
2.	Merokok/vape	2,523	212	11,940	19,512
3.	Mencuri	333	13	449	1,053
4.	Khalwat	26	2	154	155
5.	Vandalisme	822	73	1,360	2,855
6.	Ponteng sekolah	39,632	5,762	173,355	211,315
7.	Biadap terhadap guru	3,316	195	6,140	9,035
8.	Fesyen/trend yang bertentangan dengan peraturan sekolah	9,189	852	18,978	20,006
9.	Gangsterisme	26	1	46	125
10.	Berjudi	79	4	120	361

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024a

Wan Abdul Fattah et al. (2022) menyatakan bahawa keruntuhan akhlak remaja Muslim di Malaysia berpunca daripada kurang didikan agama, keluarga bermasalah, nilai pendidikan rendah, dan pengaruh teknologi. Cadangan penyelesaian termasuk menerapkan asas agama yang kukuh, institusi keluarga berlandaskan Islam, kesedaran terhadap nilai pendidikan, dan pemantauan pergaulan remaja. GPI memainkan peranan penting dalam melaksanakan cadangan ini, namun statistik PDRM (2024) menunjukkan bahawa Pendidikan Islam di sekolah menengah kurang berkesan membentuk sahsiah unggul, dengan majoriti pelaku jenayah indeks terdiri daripada murid Muslim yang menerima Pendidikan Islam.

Peranan GPI dalam mendidik murid tentang Islam dan sahsiah turut berhadapan isu seperti kekurangan GPI yang berkelayakan (Muhammad Awais Qarni et al., 2023; Noor Lela Ahmad & Nur Afrina Haziqah Azman, 2020). KPM mengakui ada guru tanpa pengkhususan Pendidikan Islam dilantik sebagai GPI (Bernama, 2023), yang memberi kesan terhadap kualiti pendidikan. Keperibadian GPI juga dikritik, dengan kajian menunjukkan sebahagian guru bersikap kasar sehingga menjejaskan hubungan dengan murid dan minat terhadap subjek (Syafiqah Solehah & Tengku Sarina, 2018; Salinda Sahrin & Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, 2022; Wan Ali Akbar, 2022).

Data KPM (2024b) menunjukkan peningkatan kes salah laku guru, seperti ketidakhadiran bertugas (951 kes dalam lima tahun), ingkar arahan COVID-19 (373 kes pada 2023), dan isu kewangan (49 kes pada 2023). Kes dadah dan gangguan seksual kekal rendah tetapi meningkat, dengan 24 kes gangguan seksual pada 2023 berbanding 8 pada 2022. Kes rasuah turut meningkat, dengan 15 kes dilaporkan pada 2023. Peningkatan ini menekankan keperluan langkah proaktif untuk menjaga integriti guru dan persekitaran kerja.

Jadual 3: Laporan 10 Pelanggaran Tatakelakuan Lazim di KPM

Jenis Kesalahan	Tahun Laporan Diterima					Jumlah
	2019	2020	2021	2022	2023	
1. Tidak hadir bertugas	208	132	139	211	261	951
2. Ingkar Perintah - COVID19	-	-	-	178	373	551
3. Keterhutangan Kewangan yang Serius / Bankrap	18	19	20	22	49	128
4. Melanggar Tatacara Kewangan	22	14	10	5	15	66
5. Ingkar Perintah	27	17	7	8	4	63
6. Gangguan Seksual	10	11	4	8	24	57
7. Kehilangan/Surcaj	21	14	6	3	7	51
8. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	6	12	3	10	15	46
9. Dadah (jenayah)	11	9	10	5	9	44
10. Pelanggaran Disiplin/Peraturan Am	11	8	7	12	4	42

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024b

Kajian menyimpulkan bahawa kesemua isu yang diterangkan berkait rapat dengan personaliti GPI. Seorang GPI haruslah menunjukkan contoh yang terbaik kepada masyarakat secara umum dan murid secara khususnya. Mereka perlu menitikberatkan pelbagai aspek dalam kehidupan mereka agar sentiasa selari dengan ajaran yang dibawa oleh Islam supaya dapat mempengaruhi

pembentukan sahsiah murid tidak kira dalam perkarangan sekolah atau pun di luar waktu persekolahan.

Terdapat beberapa kajian tempatan yang telah dilaksanakan bagi mengenalpasti pengaruh personaliti GPI terhadap pembentukan sahsiah murid. Antaranya kajian daripada Syafiqah Solehah Ahmad dan Tengku Sarina Aini (2018) dan Norhalimaton Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah, dan Khadijah Abdul Razak (2020) yang menekankan aspek penampilan GPI mencerminkan personaliti unggul yang boleh membuatkan murid mencontohi mereka. Selain itu, kajian daripada Abu Bakar dan Aderi Che Noh (2022) menekankan aspek komunikasi berkesan sebagai personaliti GPI yang terbaik untuk mempengaruhi pembentukan sahsiah murid. Kajian daripada Lim, Shahidah dan Abdull Sukor (2023) serta Wan Ali (2022) pula menyorot kepentingan tingkah laku GPI yang baik yang dicirikan dengan sifat-sifat seperti adil, sabar, tegas, serius, mesra, belas kasihan, kerjasama, menepati masa, tanggungjawab, mulia, dan baik hati dalam mempengaruhi pembentukan sahsiah murid. Selain daripada itu, personaliti GPI termasuk emosi (Hasbullah et al. 2020; Kasmawati, 2020) dan dedikasi (Norhalimaton Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak, 2020) juga penting bagi mempengaruhi pembentukan sahsiah murid.

Walaubagaimanapun, kajian yang telah dilaksanakan sebelum ini berbentuk kajian literatur bersistematik dan mempunyai teori semata-mata. Ia tidak dapat dibuktikan dengan kaedah statistik dan data kajian yang sebenar. Justeru, kajian-kajian yang ada meninggalkan jurang yang sangat besar dalam dunia penyelidikan. Maka kajian ini berusaha untuk mengkaji pengaruh personaliti guru terhadap pembentukan sahsiah murid, selain meneliti adakah faktor demografi guru seperti jantina, umur, pengalaman, dan lokasi tempat kerja mempunyai perkaitan dengan personaliti GPI tersebut dengan mengumpulkan data dan statistik yang relevan untuk membuktikan adakah penampilan, komunikasi, tingkah laku, emosi, dan dedikasi dapat dibuktikan mempunyai pengaruh terhadap pembentukan sahsiah murid di sekolah menengah di Malaysia.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji ciri-ciri personaliti GPI dan pengaruhnya terhadap pembentukan sahsiah murid di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, beberapa objektif khusus kajian telah ditetapkan seperti berikut:

1. Menenal pasti tahap personaliti GPI di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia.
2. Menenal pasti tahap sahsiah murid Islam di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia.
3. Menenal pasti perbezaan personaliti GPI berdasarkan jantina dan lokasi tempat kerja.
4. Menenal pasti pengaruh personaliti GPI terhadap sahsiah murid.

Kajian Literatur

Personaliti Guru berdasarkan Jantina

Kajian oleh Yavuz dan Guzel (2020) menyiasat persepsi guru terhadap kemahiran komunikasi berkesan di bilik darjah dengan mengambil kira jantina. Kajian ini melibatkan 381 guru dan menggunakan Skala Kemahiran Komunikasi Bilik Darjah Berkesan. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun tiada perbezaan signifikan antara guru lelaki dan perempuan, guru

perempuan mencatat markah sedikit lebih tinggi, terutamanya dalam kemahiran bertutur, mendengar, dan empati. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh sifat keibuan guru wanita yang lebih mesra. Secara keseluruhan, kedua-dua jantina menunjukkan tahap kemahiran komunikasi yang tinggi, dengan guru lelaki mencatat markah sedikit lebih tinggi dalam empati. Kajian oleh Alnahdi dan Schwab (2023) pula menganalisis data TIMSS Arab Saudi 2019 melibatkan 10,817 murid gred 4 dan 437 guru. Keputusan menunjukkan amalan dan sikap pengajaran guru berkait positif dengan pencapaian murid dalam matematik dan sains. Guru wanita mencatatkan sikap lebih positif terhadap pengajaran dan dinilai lebih baik oleh murid mereka. Justeru, kajian ini membuat hipotesis seperti berikut:

H1: Terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri penampilan, komunikasi, tingkah laku, dedikasi, dan emosi GPI dengan faktor jantina.

Personaliti Guru berdasarkan Lokasi Tempat Kerja

Kajian Shikalepo (2019) mengenal pasti faktor yang mencirikan kawasan luar bandar dan kesannya terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Lima sekolah luar bandar menjadi lokasi kajian, dengan data dianalisis berdasarkan tema dan kategori. Penemuan utama menunjukkan faktor seperti berulang-alik, perubahan iklim, kebersihan, kemudahan, dan tahap celik huruf memberi kesan negatif terhadap pengajaran dan pembelajaran. Sekolah luar bandar mengalami kekurangan kemudahan seperti bilik darjah, makmal, perpustakaan, dan bahan pengajaran. Beberapa murid belajar di bawah pokok. Kekurangan perkhidmatan penting seperti perbankan, perubatan, dan kepolisan serta liputan internet yang lemah turut menyukarkan proses pengajaran. Kajian Istiyaq Ahmad Dar dan Kiran Mishra (2022) membandingkan sikap guru sekolah menengah luar bandar dan bandar menggunakan sampel 400 guru (200 luar bandar, 200 bandar). Dapatan menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam sikap guru terhadap profesion perguruan, bilik darjah, amalan berpusatkan kanak-kanak, proses pendidikan, insan, dan guru. Lokaliti tidak memberi kesan ketara terhadap sikap guru terhadap pengajaran. Justeru, kajian ini membuat hipotesis seperti berikut:

H2: Terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri penampilan, komunikasi, tingkah laku, dedikasi, dan emosi GPI dengan faktor lokasi tempat kerja.

Pengaruh Penampilan Guru terhadap Sahsiah Murid

Norhalimaton Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah, dan Khadijah Abdul Razak (2020) menekankan bahawa etika berpakaian kemas, menarik, dan patuh syariah adalah ciri penting GPI. Contohnya, GPI perlu memakai pakaian longgar, menutup aurat, dan sentiasa menjaga kekemasan serta kebersihan. Penampilan elegan dan moden bukan sahaja mencerminkan maruah, tetapi juga meningkatkan rasa hormat dan kasih murid terhadap guru, sekali gus mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa dan tenang. Hasbullah, Ahmad Yusuf, dan Fakhrul Adabi (2020) pula menegaskan bahawa penampilan GPI mempengaruhi murid, terutamanya dalam pembelajaran sosial, kerana murid cenderung meniru cara berpakaian dan tingkah laku guru mereka. Tambahan pula, Handayani dan Ziaulhaq (2022, 2023) menyatakan bahawa penampilan guru yang mematuhi syariah Islam berfungsi sebagai komunikasi persuasif yang berkesan, mendorong murid untuk mencontohi etika berpakaian sopan dan menutup aurat. Pendekatan lembut ini menghasilkan kesedaran dan kerelaan dalam kalangan murid untuk menjaga penampilan yang sesuai dengan ajaran Islam. Justeru, kajian ini membuat hipotesis seperti berikut:

H3: Terdapat pengaruh yang signifikan bagi ciri penampilan GPI terhadap sahsiah murid.

Pengaruh Komunikasi Guru terhadap Sahsiah Murid

Komunikasi adalah proses kompleks yang melibatkan aspek psikologi dan sosiologi (Petronio, Child, & Hall, 2021). Menurut Merani (2019), bimbingan guru melalui interaksi, sokongan bukan lisan, dan maklum balas positif sangat penting dalam meningkatkan pencapaian murid. Interaksi terbuka dengan guru memberi murid rasa dihargai sebagai sebahagian daripada institusi pendidikan (Zawawi Ismail et al., 2020). Gaya komunikasi guru yang kreatif dan berpengetahuan mendorong perbincangan sihat serta menggalakkan autonomi murid (Zawawi Ismail et al., 2020). Sebaliknya, guru dengan kemahiran komunikasi lemah sukar mendekati murid, manakala komunikasi kasar atau keras menyebabkan murid menolak arahan guru (Majed & Arif Ahmed, 2022; Saleem, Muhammad, & Masood, 2020). Norhalimatun Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah, dan Khadijah Abdul Razak (2020) menyatakan bahawa guru yang mengamalkan syariat Islam meningkatkan keyakinan murid terhadap pembelajaran ilmu agama. Guru perlu memberi teladan baik melalui adab dan amalan, bukan sekadar arahan. Abu Bakar dan Aderi Che Noh (2022) menegaskan kemahiran komunikasi yang baik, termasuk ucapan jelas dan intonasi yang sesuai, membantu proses pengajaran menjadi lebih berkesan. Penambahan jenaka juga dapat memperkuat kesan nasihat dan pengajaran (Abu Bakar & Aderi Che Noh, 2022; Noor Shamsinar et al., 2019). Justeru, kajian ini membuat hipotesis seperti berikut:

H4: Terdapat pengaruh yang signifikan bagi ciri komunikasi GPI terhadap sahsiah murid.

Pengaruh Tingkahlaku Guru terhadap Sahsiah Murid

Cara guru bertingkah laku, menerangkan pelajaran, dan berinteraksi dengan murid memberi impak besar kepada kejayaan akademik mereka. Hubungan guru-murid yang positif turut mempengaruhi pencapaian murid dengan signifikan (Hasbullah, Ahmad Yusuf, & Fakhru Adabi, 2020). Menurut Sukawati et al. (2019), guru terbaik ialah yang memiliki sahsiah baik dan mampu menggabungkan elemen mengajar serta mendidik. Tingkah laku guru mencerminkan personaliti mereka, yang akan mempengaruhi tingkah laku murid. Guru yang tegas dihormati, manakala guru yang lemah dari segi personaliti kurang dihormati (Sukawati et al., 2019). Sebagai model kepada murid, tindakan guru memberi kesan besar, sama ada positif atau negatif. Oleh itu, guru perlu berhati-hati, memilih kata yang sopan, dan menunjukkan teladan yang membawa murid ke arah kejayaan. Justeru, kajian ini membuat hipotesis seperti berikut:

H5: Terdapat pengaruh yang signifikan bagi ciri tingkah laku GPI terhadap sahsiah murid.

Pengaruh Emosi Guru terhadap Sahsiah Murid

Emosi guru memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah murid, mempengaruhi mereka melalui tiga cara: penghantaran emosi secara langsung, pembentukan kualiti hubungan guru-murid, dan penyampaian mesej sosial yang berimpak pada kepercayaan murid (Hasbullah et al., 2020). Guru perlu memiliki kestabilan emosi, rasa tanggungjawab, dan personaliti positif untuk mendidik dan mengajar dengan berkesan, kerana kompetensi guru memengaruhi motivasi serta tabiat belajar murid (Kasmawati, 2020). Menurut Norhalimatun Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah, dan Khadijah Abdul Razak (2020), hubungan mesra dengan guru meningkatkan motivasi murid dan membentuk mereka menjadi individu berakhlak mulia. Guru yang penyayang dan ikhlas membuatkan murid rasa dihargai, menjalin hubungan baik, serta termotivasi untuk belajar. Emosi positif seperti keyakinan, kepercayaan, dan kepuasan daripada guru membantu murid memahami pelajaran dengan lebih baik, memberi perhatian penuh, dan bekerjasama dalam pembelajaran. Ini memberi kelebihan kepada guru untuk mendidik murid menjadi individu berilmu dan berakhlak mulia. Justeru, kajian ini membuat

hipotesis seperti berikut:

H6: Terdapat pengaruh yang signifikan bagi ciri emosi GPI terhadap sahsiah murid.

Pengaruh Dedikasi Guru terhadap Sahsiah Murid

Menurut Olohundare (2020), dedikasi merupakan elemen utama kejayaan tugas rasmi dan organisasi. Mills dan Kaanakia (2019) menyatakan bahawa pekerja berdedikasi mempamerkan tingkah laku positif, berusaha lebih, dan berkomitmen terhadap kejayaan organisasi. Guru berdedikasi, menurut Olohundare (2020), ialah individu yang bersemangat, seimbang kerja-kehidupan, dan berdaya tahan dalam membentuk murid menjadi individu produktif. Shela dan Asnil (2023) mendapati GPI yang berdisiplin mampu meningkatkan disiplin murid dan akauntabiliti mereka, dengan kerjasama ibu bapa memainkan peranan penting dalam pendidikan karakter. Kajian Lian et al. (2020) pula menunjukkan bahawa guru berakhlak positif melalui model teladan dapat menumbuhkan sahsiah murid secara konsisten. Nur Eliza Mohd Noor et al. (2021) pula menekankan bahawa guru sebagai Murabbi, Mu'allim, dan Muaddib memberi impak besar kepada pembangunan integriti murid. Kajian Nazneen Ismail et al. (2021) juga menunjukkan dedikasi guru penting untuk membentuk sahsiah murid dengan menjadi teladan, membina hubungan baik, dan menanamkan cinta ilmu. Justeru, kajian ini membuat hipotesis seperti berikut:

H7: Terdapat pengaruh yang signifikan bagi ciri dedikasi GPI terhadap sahsiah murid.

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh ciri personaliti GPI terhadap pembentukan sahsiah murid di sekolah menengah di Malaysia. Pengkaji memilih untuk melakukan kajian secara kuantitatif dengan reka bentuk deskriptif melalui kaedah tinjauan. Soal selidik dengan gaya skala Likert 5-mata pula telah dipilih sebagai instrumen kajian. Daripada keseluruhan populasi, seramai 419 GPI di Malaysia terlibat dalam kajian. Pengumpulan data dilakukan dengan mengedarkan soal selidik dalam *bentuk Google Form*. Kemudian, data yang telah dikumpulkan disusun dalam perisian SPSS dan SMARTPLS. Kajian menggunakan ujian skor min untuk analisis deskriptif, ujian-t sampel tidak bersandar untuk analisis inferens, dan PLS-SEM.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Analisis Demografi Responden

Seramai 419 orang peserta kajian telah menyertai kajian ini. 271 (64.70%) GPI perempuan dan 148 (35.30%) GPI lelaki telah menyertai kajian ini. Majoriti responden adalah berumur 25-30 tahun, iaitu seramai 142 (33.90%), diikuti 75 (17.90%) berumur 36-40 tahun, 73 (15.40%) berumur 31-35 tahun, 67 (16.00%) berumur 46 tahun ke atas, dan 62 (14.80%) berumur 41-45 tahun. Sebanyak 264 (63.00%) responden telah berkahwin, 137 (32.70%) bujang, dan 18 (4.30%) duda/janda. Responden bertugas di 16 negeri, dengan majoriti di Selangor seramai 58 (13.80%), diikuti Terengganu dan Pahang masing-masing 36 (8.60%), Kelantan 33 (7.90%), Johor dan Kuala Lumpur masing-masing 32 (7.60%), serta Sarawak 31 (7.40%). Responden di Negeri Sembilan, Perak, dan Kedah masing-masing ialah 29 (6.90%), 26 (6.20%), dan 25 (6.00%). Pulau Pinang mencatatkan 23 (5.50%), Melaka 19 (4.50%), Sabah 11 (2.60%), Putrajaya 10 (2.40%), dan Perlis serta Labuan masing-masing 9 (2.10%). Majoriti responden bertugas di kawasan bandar seramai 262 (62.50%), manakala selebihnya 157 (37.50%) bertugas di luar bandar. Sebanyak 397 (94.70%) responden memiliki ijazah sarjana muda, manakala 22 (5.30%) memiliki ijazah sarjana. Dari segi pengalaman mengajar, majoriti

responden mempunyai pengalaman 1-5 tahun seramai 160 (38.20%), diikuti 70 (16.70%) dengan pengalaman 11-15 tahun, 65 (15.50%) dengan pengalaman 6-10 tahun, 64 (15.30%) dengan pengalaman 21 tahun ke atas, dan 60 (14.30%) dengan pengalaman 16-20 tahun.

Analisis Objektif 1: Mengenal Pasti Tahap Personaliti GPI di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia.

Analisis Personaliti GPI dalam Penampilan

Personaliti GPI dalam aspek penampilan secara keseluruhan berada pada tahap tinggi, dengan skor min keseluruhan 4.48 dan sisihan piawai 0.583, menunjukkan konsistensi tinggi dalam menjaga penampilan ketika mengajar. Pakaian Kemas (P1) mencatatkan skor min 4.42 dan sisihan piawai 0.579, dengan 50.6% responden “Setuju” dan 45.8% “Sangat Setuju,” menunjukkan hampir semua guru sentiasa berpakaian kemas. Pakaian Sopan (P2) memperoleh skor min 4.5 dan sisihan piawai 0.564, dengan 53% sangat setuju dan 43.7% setuju, mencerminkan konsistensi dalam berpakaian sopan. Pakaian Patuh Syariah (P3) menunjukkan skor min 4.47 dan sisihan piawai 0.575, dengan 46.3% setuju dan 50.6% sangat setuju, menunjukkan komitmen tinggi terhadap kepatuhan syariah. Pakaian Bersih (P4) mencatatkan skor min tertinggi 4.52 dan sisihan piawai 0.55, dengan 54.9% sangat setuju bahawa mereka sentiasa memastikan pakaian bersih. Tidak Memakai Perhiasan Berlebihan (P5) mencatatkan skor min 4.45 dan sisihan piawai 0.602, dengan 49.6% sangat setuju dan 46.1% setuju, menunjukkan sikap sederhana dalam penampilan. Tidak Memakai Wangian Berlebihan (P6) mendapat skor min 4.48 dan sisihan piawai 0.6, dengan 53% sangat setuju dan 42% setuju, menandakan keutamaan terhadap kesederhanaan. Menjaga Bau Badan yang Menyenangkan (P7) mencatatkan skor min 4.5 dan sisihan piawai 0.612, dengan 54.7% sangat setuju dan 41.8% setuju bahawa mereka menjaga bau badan yang menyenangkan. Secara keseluruhan, GPI menunjukkan komitmen tinggi terhadap kebersihan, kesopanan, dan kepatuhan syariah, dengan sisihan piawai kecil mencerminkan konsistensi yang tinggi, menjadikan penampilan elemen penting dalam personaliti guru.

Menurut kajian, penampilan merupakan elemen penting dalam personaliti guru, dengan skor min yang tinggi dalam aspek kebersihan pakaian, patuh syariah, dan bau badan menyenangkan. Guru yang berpakaian kemas dan sopan dianggap sebagai teladan oleh murid, mencerminkan imej positif serta membentuk persepsi murid terhadap mereka. Guru juga menegaskan bahawa penampilan patuh syariah penting untuk membimbing murid ke arah yang baik. Hasbullah, Ahmad Yusuf, dan Fakhrul Adabi (2020) menyatakan bahawa murid cenderung meniru penampilan guru, termasuk cara berpakaian dan bertingkah laku. Penampilan yang kemas bukan sahaja menunjukkan disiplin dan nilai agama tetapi juga memberikan suasana positif untuk pembelajaran. Guru yang berpakaian kemas dianggap lebih profesional, seperti yang ditegaskan oleh Kodzoman (2019), bahawa keperibadian seseorang dapat dilihat melalui cara berpakaian, yang mencerminkan tanggungjawab dan profesionalisme. Marici et al. (2023) turut menyokong bahawa pemakaian guru melambangkan kewibawaan dan profesionalisme.

Analisis Personaliti GPI dalam Komunikasi

Personaliti GPI dalam aspek komunikasi berada pada tahap tinggi, dengan skor min keseluruhan 4.43 dan sisihan piawai 0.6, menunjukkan konsistensi dalam komunikasi berkesan. K1 (Tutur Kata Sopan) mencatat skor min tertinggi 4.48 dan sisihan piawai 0.588, dengan 42% “Setuju” dan 53.2% “Sangat Setuju,” menunjukkan hampir semua guru berkomunikasi dengan sopan. K2 (Berkata Benar kepada Murid) memperoleh skor min 4.47

dan sisihan piawai 0.604, dengan 43.4% “Setuju” dan 51.8% “Sangat Setuju,” mencerminkan konsistensi dalam kejujuran. K3 (Memberi Perhatian kepada Murid) mencatat skor min 4.47 dan sisihan piawai 0.576, dengan 45.8% “Setuju” dan 51.1% “Sangat Setuju,” menunjukkan komitmen guru terhadap perhatian kepada murid. K4 (Komunikasi Mesra) menunjukkan skor min 4.41 dan sisihan piawai 0.598, dengan 49.4% “Setuju” dan 46.3% “Sangat Setuju,” mencerminkan sikap mesra dalam interaksi. K5 (Memberi Nasihat Tanpa Sindiran) mendapat skor min 4.4 dan sisihan piawai 0.584, dengan 50.1% “Setuju” dan 44.9% “Sangat Setuju,” menunjukkan pendekatan bijaksana dalam memberi nasihat. K6 (Menjawab Soalan Murid dengan Baik) mencatat skor min 4.42 dan sisihan piawai 0.603, dengan 47.5% “Setuju” dan 47.5% “Sangat Setuju,” menunjukkan kebolehan guru menjawab soalan dengan baik. K7 (Penggunaan Bahasa Mudah Difahami) menunjukkan skor min 4.45 dan sisihan piawai 0.603, dengan 49.9% “Sangat Setuju,” menekankan kepentingan bahasa yang jelas dalam penyampaian. K8 (Mengekalkan Hubungan Mata) mencatat skor min 4.34 dan sisihan piawai 0.642, dengan 49.2% “Setuju” dan 43% “Sangat Setuju,” mencerminkan komunikasi berkesan melalui hubungan mata. Secara keseluruhan, GPI menunjukkan tahap komunikasi yang sangat baik, menekankan kejujuran, kemesraan, perhatian, dan hubungan mata. Sisihan piawai kecil mencerminkan konsistensi dalam kalangan guru, yang penting untuk membina hubungan positif dengan murid dan memupuk suasana pembelajaran yang produktif.

Aspek komunikasi dalam kajian ini mencatatkan tahap yang tinggi. Guru sering menggunakan bahasa yang sopan serta berusaha mendengar dan memahami apa yang disampaikan oleh murid. Komunikasi yang berkesan bukan sahaja mempengaruhi emosi murid tetapi turut membentuk sikap hormat dan adab mereka terhadap guru. Hasil temu bual dengan guru menunjukkan bahawa komunikasi yang baik mampu mempengaruhi emosi dan tingkah laku murid secara positif. Zawawi et al. (2020) menyatakan bahawa komunikasi yang baik antara guru dan murid membuat murid merasa dihargai. Pendekatan yang lembut tetapi tegas, bersama penggunaan bahasa yang baik, membantu murid lebih terbuka untuk menerima teguran dan nasihat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa komunikasi yang sopan dan mesra membantu membina hubungan positif antara guru dan murid. Tutur kata yang baik, penggunaan bahasa yang mudah difahami, serta keprihatinan terhadap emosi murid adalah elemen penting dalam komunikasi. Guru yang berkomunikasi secara mesra cenderung membentuk murid yang beradab dan menghormati guru. Kajian oleh Majed dan Arif Ahmed (2022) mendapati komunikasi yang efektif menjadikan guru pendengar yang baik, mendorong murid untuk berkongsi isu peribadi mahupun pelajaran. Sebaliknya, komunikasi yang kasar atau kurang sopan boleh merosakkan imej guru dan hubungan mereka dengan murid, seperti yang disokong oleh Saleem, Muhaam, dan Masood (2020), di mana komunikasi negatif menyebabkan murid enggan menerima arahan guru. Guru yang berkomunikasi dengan baik bukan sahaja menyampaikan ilmu secara kognitif tetapi juga mempengaruhi emosi dan sikap murid. Teguran yang dilakukan dengan lemah lembut dan penuh hikmah lebih mudah diterima berbanding teguran yang kasar. Kajian oleh Norhalimatun Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah, dan Khadijah Abdul Razak (2020) turut mendapati murid lebih percaya dan menghormati guru yang bukan sahaja pandai berbicara tetapi juga mengamalkan ilmu mereka dalam kehidupan seharian.

Analisis Personaliti GPI dalam Tingkah Laku

Personaliti GPI dalam aspek tingkah laku berada pada tahap tinggi, dengan skor min keseluruhan 4.42 dan sisihan piawai 0.607, mencerminkan konsistensi yang tinggi dalam tingkah laku guru. T1 (Peramah) merekodkan skor min 4.3 dan sisihan piawai 0.67, dengan 47% “Setuju” dan 41.5% “Sangat Setuju,” menunjukkan kebanyakan guru bersikap peramah.

T2 (Menghormati Murid) merekodkan skor min tertinggi 4.48 dan sisihan piawai 0.572, dengan 46.1% “Setuju” dan 51.1% “Sangat Setuju,” menunjukkan penghormatan konsisten terhadap murid. T3 (Bersikap Adil) merekodkan skor min 4.51 dan sisihan piawai 0.56, dengan 43.2% “Setuju” dan 53.7% “Sangat Setuju,” mencerminkan komitmen terhadap keadilan kepada semua murid. T4 (Berorientasi Pencapaian) merekodkan skor min 4.39 dan sisihan piawai 0.626, dengan 48.2% “Setuju” dan 46.1% “Sangat Setuju,” menunjukkan fokus guru pada pencapaian murid. T5 (Bersikap Keibubapaan) merekodkan skor min 4.43 dan sisihan piawai 0.635, dengan 49.9% “Sangat Setuju” dan 43.7% “Setuju,” menunjukkan guru mengambil peranan keibubapaan dalam mendidik murid. T6 (Bahasa Badan Positif) merekodkan skor min 4.42 dan sisihan piawai 0.587, dengan 49.2% “Setuju” dan 46.8% “Sangat Setuju,” menunjukkan penggunaan bahasa badan yang menyenangkan. Akhir sekali, T7 (Teknik untuk Murid Bermasalah) merekodkan skor min 4.38 dan sisihan piawai 0.601, dengan 50.1% “Setuju” dan 44.2% “Sangat Setuju,” menunjukkan pendekatan pelbagai untuk menangani murid bermasalah. Secara keseluruhan, GPI menunjukkan komitmen tinggi terhadap tingkah laku profesional, menekankan keadilan, keprihatinan, dan penghormatan kepada murid. Nilai sisihan piawai yang rendah mencerminkan konsistensi tingkah laku positif sebagai elemen utama dalam personaliti guru.

Tingkah laku mesra dan hubungan akrab antara guru dan murid mencatatkan skor tinggi dalam kajian ini. Murid yang merasa selesa dengan gurunya lebih mudah menerima teguran serta nasihat, dan hubungan yang rapat ini juga mendorong murid untuk lebih terbuka dalam berkongsi masalah, sama ada peribadi atau akademik. Kajian oleh Sukawati et al. (2019) serta Lim, Shahidah, dan Abdull Sukor (2023) menyokong dapatan ini, di mana tingkah laku positif guru terbukti mampu mendidik serta membentuk peribadi murid. Menurut responden, guru yang bersikap mesra lebih mudah berkomunikasi dengan murid, yang seterusnya dapat meningkatkan prestasi mereka dalam kelas. Namun begitu, guru perlu memastikan keseimbangan dalam tingkah laku mesra agar tidak disalahgunakan oleh murid. Tingkah laku guru yang mesra memberi kesan besar terhadap interaksi mereka dengan murid, di mana hubungan yang baik memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru yang bersikap mesra mencipta suasana yang kondusif, membolehkan murid merasa selesa berkongsi masalah peribadi mahupun akademik. Peluang ini membolehkan guru memberikan nasihat yang relevan serta membantu murid menyelesaikan masalah mereka, bukan sahaja di dalam kelas tetapi juga di luar kelas. Kajian oleh Sukawati et al. (2019) turut menunjukkan bahawa murid yang merasa dekat dengan gurunya lebih mudah menerima teguran dan nasihat. Walaupun keakraban guru-murid ini penting, guru harus mengekalkan profesionalisme bagi mengelakkan murid mengambil kesempatan atas hubungan tersebut.

Analisis Personaliti GPI dalam Emosi

Personaliti GPI dalam aspek emosi berada pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan 4.37 dan sisihan piawai 0.602, mencerminkan konsistensi tinggi dalam pengurusan emosi guru. E1 (Bersifat Penyayang) mencatat skor min 4.32 dan sisihan piawai 0.612, dengan 54.2% “Setuju” dan 38.9% “Sangat Setuju,” menunjukkan kebanyakan guru mengamalkan sifat penyayang. E2 (Kesedaran terhadap Perubahan Emosi) mencatat skor min 4.39 dan sisihan piawai 0.579, dengan 51.1% “Setuju” dan 44.2% “Sangat Setuju,” menunjukkan guru secara konsisten menyedari perubahan emosi mereka. E3 (Kawalan Diri terhadap Emosi) mencatat skor min 4.38 dan sisihan piawai 0.59, dengan 52% “Setuju” dan 43.4% “Sangat Setuju,” menunjukkan komitmen guru dalam mengawal emosi mereka. E4 (Peka terhadap Perasaan Murid) mencatat skor min 4.34 dan sisihan piawai 0.612, dengan 50.8% “Setuju” dan 41.8% “Sangat Setuju,”

mencerminkan tahap kepekaan guru terhadap perasaan murid. E5 (Berempati dengan Masalah Murid) mencatat skor min 4.4 dan sisihan piawai 0.619, dengan 47.5% “Setuju” dan 46.3% “Sangat Setuju,” menunjukkan empati tinggi guru terhadap masalah murid. Secara keseluruhan, guru menunjukkan tahap emosi yang tinggi dalam kasih sayang, kepekaan, dan empati, dengan nilai sisihan piawai yang rendah menggambarkan konsistensi yang kukuh dalam pengurusan emosi. Aspek emosi ini menjadi faktor penting dalam personaliti guru.

Dalam aspek emosi, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru memiliki tahap empati yang tinggi terhadap murid. Mereka sensitif terhadap perubahan emosi murid dan mampu mengawal emosi sendiri ketika berdepan situasi yang mencabar. Ini memainkan peranan penting dalam membina hubungan yang sihat antara guru dan murid. Norhalimatun Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah, dan Khadijah Abdul Razak (2020) menegaskan bahawa guru yang menunjukkan kasih sayang kepada murid membuatkan murid merasa dihargai dan disayangi. Hal ini mendorong mereka untuk mendekati guru tanpa rasa segan atau takut, sekali gus mewujudkan hubungan yang mesra. Keikhlasan dan kebaikan guru juga mendorong murid untuk menjaga perasaan guru, baik melalui kata-kata mahupun tindakan. Sebaliknya, mereka menjadi lebih bermotivasi untuk belajar dan merasa seronok berada di sekolah. Apabila emosi positif seperti keyakinan, kepercayaan, kegembiraan, dan kepuasan wujud, murid lebih mudah memahami pelajaran dan bimbingan daripada guru yang mereka hormati. Ini membolehkan murid memberikan perhatian dan kerjasama penuh semasa proses pembelajaran, yang menjadi kelebihan bagi guru dalam membentuk murid yang berilmu dan berakhlak mulia. Guru turut menyatakan bahawa pendekatan yang berasaskan kasih sayang dan empati membantu murid menghadapi masalah dengan lebih baik. Malah, menurut Frijda, Ridderinkhof, dan Rietveld (2014), emosi mempunyai implikasi motivasi yang penting kerana ia dapat mendorong dan mengekalkan aktiviti yang berorientasikan matlamat. Komunikasi yang berhikmah serta teguran yang lembut amat digalakkan untuk memastikan kesan positif terhadap murid. Guru yang mampu mengawal emosi mereka menunjukkan kematangan dalam menangani situasi sukar, sekali gus mencipta suasana pembelajaran yang tenang dan terkawal serta mengelakkan pengaruh emosi negatif terhadap murid. Kasmawati (2020) menyokong pernyataan ini dengan dapatan bahawa kawalan emosi adalah komponen penting dalam kompetensi seorang guru, yang mempengaruhi motivasi dan tabiat belajar murid. Kajian tersebut juga mendapati bahawa GPI memiliki tahap empati yang tinggi dan kawalan emosi yang baik. Guru yang peka terhadap perasaan murid dapat menyesuaikan pendekatan pengajaran berdasarkan emosi murid. Sebagai contoh, guru yang memahami tekanan murid dapat menggunakan pendekatan berhikmah dan memberikan nasihat secara lembut. Guru yang mampu mengawal emosinya turut membantu mengekalkan suasana pembelajaran yang terkawal dan positif. Hasbullah et al. (2020) turut menegaskan bahawa emosi guru memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pembentukan sahsiah murid. Emosi yang terkawal bukan sahaja membentuk hubungan guru-murid yang berkualiti, tetapi juga menyampaikan mesej sosial yang penting dalam membentuk empati dan nilai moral murid.

Analisis Personaliti GPI dalam Dedikasi

Personaliti GPI dalam aspek dedikasi secara keseluruhan berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.44 dan sisihan piawai 0.581, mencerminkan komitmen yang konsisten dalam kalangan guru. Setiap item dedikasi menunjukkan skor min tinggi (4.34–4.49), dengan majoriti guru memilih “Setuju” dan “Sangat Setuju.” Antara ciri utama yang ditonjolkan adalah Kesiediaan menjalankan tugas (Item D1) yang merekodkan skor min 4.38, menunjukkan guru sentiasa bersedia menjalankan tanggungjawab. Komitmen mengajar (Item D2) dan menjalankan

amanah (Item D3) pula merekodkan skor min 4.48, menunjukkan kesungguhan guru dalam mengajar dan melaksanakan amanah. Keikhlasan menyampaikan ilmu (Item D4) merekodkan skor min 4.49, menunjukkan keikhlasan tinggi. Ketekunan dan tanggungjawab (Item D5 & D6) merekodkan skor min 4.48 dan 4.47, menunjukkan guru tekun dan bertanggungjawab terhadap tugas mereka. Kerjasama dengan rakan sekerja dan murid (Item D7 & D8) merekodkan skor min 4.48 dan 4.4, mencerminkan kemampuan bekerjasama dengan baik. Akhir sekali, produktiviti (Item D9) merekodkan skor min 4.34, menunjukkan tahap produktiviti yang tinggi. Secara keseluruhan, dedikasi guru dicirikan oleh sikap bertanggungjawab, kerjasama, dan keikhlasan, disokong oleh sisihan piawai rendah yang menunjukkan konsistensi dalam aspek dedikasi.

Kajian Mills dan Kaanakia (2019) menyatakan bahawa dedikasi pekerja adalah elemen penting dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Pekerja yang berdedikasi bukan sahaja berusaha secara konsisten untuk mencapai matlamat organisasi, malah turut menunjukkan tingkah laku yang menyokong kejayaan tersebut, seperti memberikan maklumat positif kepada masyarakat tentang organisasi mereka dan menunjukkan minat mendalam terhadap kemajuan bersama organisasi. Oluhundare (2020) turut menekankan bahawa guru yang berdedikasi akan sentiasa bersemangat dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Guru seperti ini komited untuk memastikan kejayaan murid dalam pelbagai aspek, termasuk pembentukan sahsiah yang unggul. Oleh itu, dedikasi guru memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi murid yang cemerlang dari segi akademik dan nilai moral.

Analisis Objektif 2: Mengenal Pasti Tahap Sahsiah Murid Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia

Tahap sahsiah murid dalam kehidupan seharian dianalisis melalui 16 item, mendapati keseluruhan skor min adalah tinggi pada 4.17. Antara aspek yang dinilai termasuk menjaga pandangan, berkata benar, membantu orang lain, dan mematuhi peraturan. Pemuatan terhadap makanan halal mencatatkan skor tertinggi (4.34), mencerminkan penghayatan nilai agama. Sebaliknya, keupayaan membuat keputusan setelah mempertimbangkan pelbagai faktor mendapat skor terendah (4.03), walaupun masih pada tahap tinggi. Ini menunjukkan murid memerlukan bimbingan tambahan dalam aspek membuat keputusan kompleks. Penemuan ini selaras dengan kajian Irwan Abdullah et al. (2019) dan Noorhidayah Syed Aziz et al. (2022), yang menegaskan pendidikan harus melebihi kurikulum formal untuk membentuk modal insan yang unggul. Dalam konteks ini, GPI perlu memainkan peranan aktif dalam mendidik murid agar bukan sekadar memahami teori tetapi juga mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Aspek kehidupan sosial pula menunjukkan skor min tinggi secara keseluruhan ($M=4.29$) berdasarkan tujuh item, termasuk penghindaran seks luar nikah, larangan alkohol, dan menjaga batas pergaulan. Pemahaman terhadap larangan alkohol mencatatkan skor tertinggi ($M=4.47$), menunjukkan kepatuhan tinggi terhadap norma agama dan sosial. Namun, penghindaran daripada mengumpat mencatatkan skor terendah ($M=4.15$), menunjukkan keperluan untuk memperkukuh kesedaran terhadap amalan ini. Seperti yang ditegaskan oleh Hasbullah et al. (2020), akhlak adalah aset penting dalam Islam dan pendidikan memainkan peranan utama dalam membentuk individu yang bermoral. Faktor-faktor seperti peranan guru, ibu bapa, rakan sebaya, serta pengaruh persekitaran dan media massa memberikan impak besar kepada sahsiah murid. Pendidikan Islam yang menyeluruh dapat membentuk individu soleh yang patuh kepada Allah SWT sebagai asas utama keperibadian.

Sahsiah murid dalam melaksanakan ibadah juga berada pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan 4.24 berdasarkan lima item yang dinilai. Keyakinan murid untuk menyempurnakan ibadah mendapat skor tertinggi ($M=4.30$), mencerminkan komitmen yang baik terhadap ibadah. Namun, keyakinan murid menunaikan solat lima waktu mencatatkan skor terendah ($M=4.18$), menunjukkan keperluan bimbingan lebih mendalam untuk memantapkan amalan solat harian. Selain itu, hubungan murid dengan ibu bapa mencatatkan skor tinggi ($M=4.30$). Bergaul baik dengan ibu bapa memperoleh skor tertinggi ($M=4.35$), manakala ketaatan kepada ibu bapa berada pada skor terendah ($M=4.21$). Ini menunjukkan keperluan untuk terus mendidik murid tentang kepentingan menghormati ibu bapa. Kajian Afiful Ikhwani et al. (2020) menekankan bahawa faktor seperti ekonomi keluarga dan kesedaran ibu bapa boleh mempengaruhi pembentukan keperibadian murid, menuntut usaha guru yang lebih konsisten dalam membina sahsiah mereka.

Sahsiah murid terhadap Allah dan Rasul mencatatkan skor tertinggi ($M=4.37$). Kepercayaan terhadap kekuasaan Allah adalah aspek tertinggi ($M=4.53$), menggambarkan penghayatan keimanan yang mendalam. Namun, minat mempelajari sirah Rasulullah adalah aspek yang lebih rendah ($M=4.28$), menunjukkan keperluan untuk menekankan aspek ini dalam pembelajaran. Nurul Komariah dan Ishmatun Nihayah (2023) menegaskan pentingnya pendidikan agama Islam dalam membentuk sahsiah individu, dengan guru sebagai pendidik dan pembimbing yang membantu murid memahami dan mempraktikkan ajaran agama secara menyeluruh.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati tahap sahsiah murid berada pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan 4.28. Sahsiah murid terhadap Allah dan Rasul mencatatkan skor tertinggi ($M=4.37$), diikuti sahsiah dalam menuntut ilmu ($M=4.32$), terhadap ibu bapa ($M=4.30$), dan dalam kehidupan sosial ($M=4.29$). Walaupun pencapaian ini mencerminkan sahsiah yang positif secara keseluruhan, terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam aspek penghindaran daripada mengumpat dan keupayaan membuat keputusan yang matang.

Analisis Inferens

Analisis Ujian-T

H1: Terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri penampilan, komunikasi, tingkah laku, dedikasi, dan emosi GPI dengan faktor jantina.

Ujian-T sampel tidak bersandar dilaksanakan untuk menganalisis perbezaan yang signifikan antara ciri penampilan, komunikasi, tingkah laku, dedikasi, dan emosi GPI dengan faktor jantina.

Kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam ciri penampilan komunikasi, tingkah laku dedikasi, dan emosi GPI berdasarkan faktor jantina. Analisis ujian-T menunjukkan bahawa guru lelaki mencatatkan tahap personaliti yang lebih rendah berbanding guru perempuan dalam aspek-aspek tersebut, seperti yang dibuktikan melalui nilai t negatif ($t=-2.941$) dan nilai p yang signifikan ($p<0.001$). Ini mengesahkan hipotesis bahawa jantina mempengaruhi personaliti guru dari segi komunikasi dan emosi, sekaligus menyokong penerimaan hipotesis 1 kerana wujud perbezaan yang ketara antara lelaki dan perempuan.

Hasil dapatan ini, yang menunjukkan bahawa guru lelaki lebih rendah berbanding guru perempuan dalam penampilan komunikasi, tingkah laku dedikasi, dan emosi, berkemungkinan berkait dengan peranan jantina dalam masyarakat serta pengaruhnya terhadap persepsi kerjaya mengajar. Kajian oleh Yavuz dan Guzel (2020) turut menyokong dapatan ini, di mana guru perempuan memperoleh markah lebih tinggi sedikit daripada guru lelaki dalam aspek kemahiran bertutur, kemahiran mendengar, empati, dan penggunaan bahasa badan di dalam bilik darjah. Guru perempuan, disebabkan peranan tradisional yang sering dikaitkan dengan komunikasi dan hubungan interpersonal, mungkin lebih cenderung untuk menunjukkan kemahiran komunikasi yang lebih baik. Komunikasi yang berkesan amat penting dalam pendidikan kerana ia mempengaruhi penyampaian maklumat kepada murid serta hubungan dengan rakan sekerja dan ibu bapa.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa guru perempuan lebih berdedikasi dari segi tingkah laku, kemungkinan disebabkan oleh tekanan sosial untuk menonjolkan kesempurnaan dalam kerjaya yang berkait dengan pendidikan. Tradisi yang memandang perempuan sebagai “pendidik semula jadi” mungkin menyumbang kepada dapatan ini. Selain itu, guru perempuan kelihatan lebih berkemahiran dalam pengurusan emosi, selaras dengan stereotaip yang mengaitkan perempuan dengan sifat penyayang dan empati. Sifat ini memberikan kesan positif terhadap murid, terutama dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong. Sebaliknya, guru lelaki mungkin menghadapi cabaran disebabkan tekanan untuk menonjolkan kekuatan atau profesionalisme yang berlebihan, yang boleh mengehadkan ekspresi emosi mereka dalam bilik darjah. Kajian Alnahdi dan Schwab (2023) turut menyatakan bahawa guru wanita mempunyai sikap yang lebih positif terhadap pengajaran dan dinilai lebih positif oleh murid dari segi amalan mereka.

Dapatan ini mencadangkan keperluan penyesuaian dalam program latihan guru dan pembangunan profesional. Latihan yang lebih mendalam dalam kemahiran komunikasi dan pengurusan emosi, khususnya untuk guru lelaki, boleh membantu meningkatkan tahap kecekapan dalam aspek-aspek ini. Institusi pendidikan juga digesa untuk lebih peka terhadap perbezaan jantina dalam pelaksanaan latihan dan sokongan psikologi yang diberikan.

H2: Terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri penampilan, komunikasi, tingkah laku, dedikasi, dan emosi GPI dengan faktor lokasi tempat kerja.

Ujian-T sampel tidak bersandar dilaksanakan untuk menganalisis perbezaan yang signifikan antara ciri penampilan, komunikasi, tingkah laku, dedikasi, dan emosi GPI dengan faktor lokasi tempat kerja. Hipotesis kedua bertujuan untuk menguji sama ada terdapat perbezaan signifikan antara GPI dari segi lokasi tempat kerja (bandar dan luar bandar). Analisis yang dijalankan menunjukkan nilai t positif (0.159), yang mencerminkan bahawa guru yang bekerja di bandar memiliki tahap personaliti sedikit lebih tinggi berbanding guru di luar bandar. Namun begitu, nilai p yang diperoleh ($p > 0.001$) menunjukkan bahawa perbezaan ini tidak signifikan. Oleh itu, hipotesis kedua ditolak kerana tiada perbezaan yang ketara ditemukan berdasarkan lokasi tempat kerja. Hasil ini selari dengan kajian oleh Istiyaq Ahmad Dar dan Kiran Mishra (2022), yang mendapati tiada perbezaan signifikan antara guru bandar dan luar bandar dalam semua dimensi sikap terhadap profesion perguruan. Walau bagaimanapun, Haidar (2021) menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran guru di bandar lebih tinggi berbanding guru di luar bandar. Faktor seperti kekurangan perkhidmatan penting, termasuk perbankan, perubatan, dan kepolisan di luar bandar, serta liputan internet yang lemah, mungkin menjadi sebab utama yang membatasi keupayaan guru luar bandar untuk

mengakses kandungan dalam talian yang dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (Shikalepo, 2019).

Walaupun hipotesis ini ditolak, dapatan kajian yang menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam personaliti guru berdasarkan lokasi tempat kerja (bandar atau luar bandar) tetap memberikan beberapa pandangan penting. Penemuan ini mencadangkan bahawa guru bandar dan luar bandar mungkin memiliki tahap personaliti dan dedikasi yang setara, meskipun terdapat jurang dalam kemudahan dan sumber pendidikan antara kedua-dua lokasi. Ini juga menunjukkan bahawa faktor seperti latihan, pengalaman kerja, dan sokongan pihak pengurusan sekolah mungkin lebih mempengaruhi prestasi guru berbanding lokasi geografi mereka. Walaupun tiada perbezaan signifikan ditemui, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru luar bandar, seperti kekurangan sumber dan infrastruktur yang memadai, tetap perlu diberi perhatian. Guru di luar bandar mungkin memerlukan lebih banyak sokongan logistik dan moral untuk menangani cabaran unik yang mereka hadapi, meskipun tahap personaliti mereka setara dengan guru di bandar.

PLS-SEM

Kajian ini secara spesifiknya menetapkan 3,000 jumlah *re-sampling (bootstrapping)*. Model kajian ini mempunyai nilai *predictive power* yang sederhana iaitu $R^2 = 0.435$ untuk sahsiah murid. Ini bermaksud nilai R^2 menyarankan 43.5 peratus *varians* dapat dijelaskan oleh konstruk-construct bebas terhadap konstruk bersandar kajian. Aspek lain yang perlu dilihat adalah kesan saiz f^2 . Impak sesebuah pemboleh ubah terhadap pemboleh ubah yang lain dapat dilihat dengan kesan saiz (*effect size f^2*). Kesan saiz dapat dilihat berdasarkan 3 nilai iaitu kecil, sederhana dan besar (Chin, 1998; Cohen, 1988).

Jadual 4: Saiz Kesan (f^2) (Chin, 1988; Cohen, 1988)

Nilai f^2	Peringkat
0.020 – 0.150	Kecil
0.150 – 0.350	Sederhana
0.350 keatas	Besar

Jadual 4 menunjukkan ringkasan kriteria yang telah digunakan untuk menguji hipotesis yang dibangunkan.

Jadual 5: Pengujian Hipotesis Kesan Secara Langsung

Hipotesis	Hubungan	f^2	VIF
H3	PDP → SM	0.053	-16.624
H4	PDK → SM	0.000	-9.899
H5	PDTL → SM	0.000	-7.539
H6	PDE → SM	0.004	-6.234
H7	PDD → SM	0.000	-10.250

Berdasarkan Jadual 5, personaliti GPI dalam penampilan ($f^2 = 0.053$), komunikasi ($f^2 = 0.000$), tingkah laku ($f^2 = 0.000$), emosi ($f^2 = 0.004$) dan dedikasi (0.000) menunjukkan kesan yang kecil kepada sahsiah murid. Nilai VIF untuk hipotesis 3 sehingga hipotesis 7 juga adalah ≤ 3.3 maka tiada bias daripada data sumber tunggal. Justeru, H3, H4, H5, H6, dan H7 diiterima.

Walaupun kesannya kecil, kepentingan unsur-unsur ini tetap relevan. Guru yang mempamerkan ciri-ciri positif, walaupun sedikit, masih dapat memberikan impak kepada murid dalam pembentukan sikap dan nilai. Meskipun tidak signifikan secara kuantitatif, kualitatif, aspek-aspek ini tetap penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan dan membina sahsiah murid.

Dapatan kajian ini menekankan pentingnya guru sebagai model teladan dalam membina sahsiah murid. Selain pengajaran akademik, guru perlu menunjukkan akhlak yang baik dan menjadi contoh kepada murid, seperti yang disokong oleh kajian Nurhadi dan Muhammad Irhamuddin Harahap (2021), yang menekankan peranan strategik guru dalam membentuk individu berakhlak mulia. Walaupun kesan personaliti guru terhadap sahsiah murid tidak signifikan secara statistik, kajian seperti oleh Norhalimatun Saadiah Ayub et al. (2020) menunjukkan kualiti personaliti guru mempengaruhi iklim kelas dan perkembangan sahsiah murid. Kajian terdahulu, seperti oleh Ivery (2019) dan Marici et al. (2023), juga mengesahkan penampilan profesional guru dan tingkah laku konsisten mempengaruhi kredibiliti dan disiplin murid. Komunikasi berkesan, seperti yang dibincangkan oleh Kamarulnizam dan Zetty Nurzuliana (2019), memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah murid, memupuk keberanian murid untuk bertanya dan berkongsi pandangan. Gaya komunikasi berkesan guru turut mendorong pencapaian akademik positif dan pembelajaran yang bermakna (Merani, 2019). Selain itu, guru yang menunjukkan kecerdasan emosi tinggi dapat mencipta persekitaran pembelajaran kondusif (Hasbullah et al., 2020). Bimbingan moral aktif oleh guru melalui nasihat dan sokongan emosi, seperti yang dilaporkan oleh Nor Izzati Mahd Nor (2021), juga membantu murid membentuk sahsiah kuat. Kajian ini menyokong dapatan terdahulu bahawa personaliti guru, komunikasi berkesan, dan bimbingan moral memainkan peranan penting dalam pendidikan holistik, melibatkan aspek akademik dan akhlak.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa personaliti guru adalah komponen penting dalam pembentukan sahsiah murid. Sekolah dan guru perlu bekerja sama untuk memastikan persekitaran yang menyokong pembangunan sahsiah yang positif dalam kalangan murid. Personaliti guru yang cemerlang, digabungkan dengan sokongan institusi, dapat membantu murid bukan sahaja mencapai kejayaan akademik, tetapi juga berkembang sebagai individu yang berakhlak dan bermoral tinggi dalam kehidupan seharian mereka.

Penghargaan

Terima kasih kepada semua yang telah menyumbang sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Rujukan

- Abu Bakar, M. & Aderi Che Noh, M. (2022). Kepentingan Kemahiran Komunikasi dan Personaliti Guru Pendidikan Islam Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (GPI KAFA) di Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 8(2), 168-178.
- Adillah Ramly, N. & Halim Masnan, A. (2023). Pembentukan Akhlak Kanak-kanak Berdasarkan Akhlak Nabi Dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 4(2), 41-50. <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v4i2.6.2023>
- Afifiul Ikhwan, Muhammad Farid, Ali Rohmad, dan Aldo Redho Syam (2019). Revitalization of Islamic Education Teachers in the Development of Student Personality. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 436, 162-165.

- Al-Ghazali, A.H. (1996). *Ihya' 'Ulum al-Din*, j. 3. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.
- Alnahdi, G.H. & Schwab, S. (2023). Special Education Major or Attitudes to Predict Teachers' Self-Efficacy for Teaching in Inclusive Education. *Frontiers in Psychology*. 12(680909), <http://dx.doi.org/10.3389/fpsyg.2021.680909>.
- Bernama (Mac 2023). KPM Alami Kekurangan Guru BM, BI, Pendidikan Islam, RBT. Diakses daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpm-alami-kekurangan-guru-bm-bi-pendidikan-islam-rbt-411526>.
- Chin, W.W. (1998) The Partial Least Squares Approach to Structural Equation Modeling. *Modern Methods for Business Research*, 2, 295-336.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences* (2nd ed.). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Frijda, N.H., Ridderinkhof, K.R., & Rietveld, E. (2013). Impulsive action: Emotional Impulses and Their Control. *Frontier of Psychology*, 5.
- Handayani, L., & Ziaulhaq, W. (2022). Pelaksanaan Transfer Pesan Persuasif Guru dalam Menyeru kepada Siswa-Siswi agar Menggunakan Pakaian Syar'i pada Madrasah Aliyah Persiapan Negeri Besitang. *Journal of Indonesian Culture and Beliefs (JICB)*, 1(1), 53-64.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf, & Fakhrol Adabi Abdul Kadir (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 75-89.
- Hasifah Hassan & Muhammad Faizal A. Ghani (2022). Pengaruh Komitmen Guru dan Penyelian Guru Besar Terhadap Pengurusan Bilik Darjah di Sekolah Rendah Daerah Tenom, Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(1), 56-76
- Ibn Manzur. (1996). *Lisan al-'Arab* (tashih) Amin Muhammad 'Abd Wahhab wa Muhammad al-Sadiq al-'Ubaydi, c. 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Irwan Abdullah, Hudayana, B., & Kutaneegara, P.M. & Indiyanto, A. (2019). Beyond School Reach: Character Education in Three Schools in Yogyakarta, Indonesia. *Journal of Educational and Social Research*. 9(3), 145-159. <https://doi.org/10.2478/jesr-2019-0032>.
- Istiyaq Ahmad Dar & Kiran Mishra (2022). A Study on Rural and Urban Teacher's Attitude Towards Teaching. *International Journal of Applied Research*. 8(3), 30-33. <http://www.allresearchjournal.com/>
- Ivery, G. (2019). Teacher Perceptions of How Attire Affects Student Behavior and Academic Performance: A Case Study. *Thesis, Concordia University, St. Paul*. Diakses daripada https://digitalcommons.csp.edu/cup_commons_grad_edd/332.
- Kamarulnizam Sani, & Zetty Nurzuliana Rashed (2018). Penilaian Terhadap Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Di Sekolah Rendah Agama Integrasi Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. *Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 1-6.
- Kasmawati, Y. (2020). Peningkatan kompetensi melalui kolaborasi: Suatu Tinjauan Teoritis terhadap guru. *Equilibrium: Jurnal Pendidikan*, VIII(2), 136-142.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2024a). Laporan Kes Disiplin Murid SMK di Seluruh Malaysia Mengikut Kategori Umur Dari Tahun 2020 Hingga 2023. Data tidak Diterbitkan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2024b). Laporan 10 Pelanggan Tatakelakuan Lazim di KPM. Data tidak Diterbitkan.
- Lian, B. & Kristiawan, M. & Primasari, D.A.G. & Prasetyo, M.A.M (2020). Teachers' Model In Building Students' Character. *Journal of Critical Reviews*. 7(1), 927-932. <https://doi.org/10.31838/jcr.0714165>.

- Lim, K.T., Nurul Shahidah, A.N., & Abdull Sukor, S. (2023). Atribut Peribadi Guru yang Paling Ditekankan dan Mempunyai Konsensus dalam Sistem Pendidikan di Lapan Negara. *Journal of Education and Social Sciences*, 23(1), 1-16.
- Linda Sari Bulan Siregar (2021). Islamic Education: Factor that Affect Teachers in Building Student's Islamic Character. *International Journal of Asian Education*, 2(4), 462-471.
- Majed Abdullah Alharbi & Arif Ahmed Mohammed Hassan Al-Ahdal (2022). Communication barriers in the EFL classroom: is poor listening the culprit that obstructs learning? *Interactive Learning Environments*, 32(2), 772-786. <https://doi.org/10.1080/10494820.2022.2098776>
- Marici M, Runcan R, Iosim I and Haisan A (2023) The effect of attire attractiveness on students' perception of their teachers. *Frontier of Psychology*, 13(1059631), 1-11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.1059631>
- Merani, K. (2019). Role of Teachers' Verbal and Non-Verbal Communication Instructions in Enhancing EFL Students' Classroom Oral Interaction.
- Mills, B.R. and Kaanakia, T.K. (2019). Employee dedication and performance of transport operators in marine sector in Port Harcourt, Nigeria. *International Journal of Advanced Academic Research*, 5(5), 11-33.
- Muhammad Awais Qarni Mohd Zain, Muhammad Ahmad Amran, Khazri Osman, & Ahmad Irdha Mokhtar (2023). Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Menangani Ajaran yang Menyeleweng daripada Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah. *Prosiding Seminar Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah 2023*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad bin Abu Bakar bin 'Abd al-Qadir al-Razi. (1981). Mukhtar al-Sihah, Beirut: Dar al-Fikr.
- Nazneen Ismail, and Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin (2021). Peranan guru pengajian turath dalam pembentukan sahsiah pelajar di pondok. *Al-Hikmah*, 13 (1), 43-71. <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/issue/view/28>
- Noor Lela Ahmad, and Nur Afrina Haziqah Azman, (2020) Tahap amalan pengajaran berkesan guru Prinsip Perakaunan berasaskan model Slavin. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45 (1). 53-62. <http://ejournal.ukm.my/jpend/issue/view/1250>
- Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul & Harun baharudin. (2019). Kemahiran Komunikasi Bukan lisan: Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Bukan Opsyen dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Malaysia Online Journal of Education*, 3(2), 1-10.
- Noorhidayah Syed Aziz, Khairul Anwar Mastor & Hasnan Kasan (2022). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz. *Jurnal Pengajian Islam*, 259-271.
- Nor Izzati Mahd Nor (2021). Pendidikan Islam bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Guru sebagai Murabbi. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5, 64-76.
- Norhalimaton Saadiah Ayub, Mohd Isa Hamzah, dan Khadijah Abdul Razak (2020). The Characteristics of Islamic Education Teachers and Its Influences on Student's Development. *International Conference on Business Studies and Education*, 66-73.
- Norzi Mohd Yusoff, Khadijah Abdul Razak & Adnan Derahman (2022). Kompetensi Guru Muslim berdasarkan Surah ar-Rahman Ayat 1 hingga 4. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 6, 65-78. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol6no1.139>
- Nur Eliza Mohd Noor, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff (2021). Peranan Guru dalam Pelaksanaan E-Pembelajaran Pendidikan Islam Menurut Perspektif Al-Ghazali. *Journal of Islamic Educational Research*, 6(1), 52-63. <https://doi.org/10.22452/jier.vol6no2021.4>

- Nurhadi & Muhammad Irhamuddin Harahap (2021). Teacher's Responsibility in Islamic Education (Relevance of Hamka and Hassan Langgulung Thought). *Jurnal Studi Keislaman dan Ilmu Pendidikan*, 9(1), 137-181.
- Nurul Komariah & Ishmatun Nihayah (2023). Improving The Personality Character of Students Through Learning Islamic Religious Education. *At-Tadzkir: Islamic Education Journal*, 2(1), 65–77. <https://doi.org/10.59373/attadzkir.v2i1.15>
- Olohundare, S.K. (2020). Assessment of teacher's dedication, discipline, knowledge, and skills in Kwara state basic schools, Nigeria. *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, 14(4), 537-542.
- PDRM (2024). Kesalahan Juvana & Jumlah Tangkapan Remaja Bawah Umur <17 dari tahun 2020-2023 dalam Operasi Samseng Jalanan. Data tidak Diterbitkan.
- Petronio, S., Child, J.T. & Hall, R.D. (2021). Communication Privacy Management Theory: Significance for Inerpersonal Communication. Dalam Buku Engaging Theories in Interpersonal Communication. Routledge.
- Saleem, A., Muhammad, Y., & Masood, S. (2020). Classroom Management Challenges and Administrative Support in Elementary Schools: Experiences of Novice Public-School Teachers. *UMT Education Review*, 3(2), 29-46. <http://dx.doi.org/10.32350/uer.32.02>
- Salinda Sahrin & Mohamad Zulkifli Abdul Ghani (2022). Pendekatan Al-Muaddib dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam: Al-Muaddib's Approach in The Teaching and Learning of Islamic Education Teachers. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 241–259. <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/228>
- Shela F.D. & Asnil A.R. (2023). PAI Teacher's Personality Competencies In Strengthening Character. *Jurnal At-Tarbiyat :Jurnal Pendidikan Islam*, 6(2). <https://doi.org/10.37758/jat.v6i2.688>
- Shikalepo, E.E. (2019). The Three Characteristics of an Effective Teacher. *Research Journal of Education, Academic Research Publishing Group*, 5(8), 151-160.
- Sukawati, N.N., Savitri, O.I., Coreta, A., Taftania, S., & Ratnasari, Y.T. (2019). Teacher's personalities, performances, and professionalism: A Descriptive Study. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 381, 232-237.
- Syafiqah Solehah Ahmad dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2018). Personaliti Guru Pendidikan Islam Dan Kesannya Terhadap Akhlak Pelajar: Satu Tinjauan Awal Di Sekolah Menengah Daerah Marang, Terengganu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(14), 59-75.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Zuriatunfadzliah Sahdan, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Zulfaqar Mamat, Syh Noorul Madiah Syed Husin, & Mohamad Aniq Aiman Alias (2022). The Collapse of the Family Institution and Adultery among Muslim Adolescents in Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(1), 19-38. [https://doi.org/10.37052/kanun.35\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/kanun.35(1)no2).
- Wan Ali Akbar, W.A. (2022). Guru Inovatif Pendidikan Islam dalam Inovasi Pengajaran. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad, Ahmad Shafiq Mat Razali, Faiz Mukmin Abdul Mutalib, M., Hamzah Omar & Nur Zafirah Mohd Fadzli (2023). Personaliti Guru Pendidikan Pengajian Islam dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar. *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah*, 4, 40-47.
- Yavuz, S., & Guzel, U. (2020). Evaluation of Teachers' Perception of Effective Communication Skills According to Gender. *African Educational Research Journal*, 8(1), 134-138.

Zawawi Ismail, Nordin Halias, Rahimi Md Saad, & Mohd Faisal Mohamed (2020). Motivation as the Mediator in Relationship between Non-verbal Communication of Arabic Language Teachers and Student Learning Outcomes. *Universal Journal of Educational Research*, 8(2), 700-708. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.080244>